



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM**

**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP  
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

**BERSEMPENA**

**SAMBUTAN HARI AHLI GEOLOGI PERINGKAT KEBANGSAAN  
TAHUN 2026**

**HOTEL ZENITH, PUTRAJAYA  
4 MEI 2026 (ISNIN)**

## **SALUTASI**

### **Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani**

1. Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan kesyukuran kita dapat berkumpul di Hotel Zenith, Putrajaya yang indah ini sebagai satu keluarga besar geologi Malaysia. Perjumpaan kita pada hari ini melambangkan kesatuan jiwa sebuah komuniti yang telah banyak berjasa kepada tanah air kita.
2. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penganjur Lembaga Ahli Geologi, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), Institut Geologi Malaysia (IGM), dan Persatuan Geologi Malaysia (GSM). Usaha murni anda dalam menganjurkan Sambutan Hari Ahli Geologi Peringkat Kebangsaan Tahun 2026 ini merupakan satu manifestasi penghargaan yang amat bermakna bagi profesion ini.
3. Saya difahamkan ini merupakan julung kalinya sambutan diadakan secara fizikal di peringkat kebangsaan, dan saya berharap ia akan menjadi acara tahunan yang terus menghimpunkan kita semua seterusnya menjadi platform untuk menghimpunkan komuniti geologi daripada pelbagai agensi, institusi dan industri di Malaysia.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

### **KEPENTINGAN SAMBUTAN HARI AHLI GEOLOGI**

4. Sambutan Hari Ahli Geologi pada tahun ini sebenarnya membawa makna yang jauh lebih besar daripada sekadar sebuah perayaan

kerana ia merupakan detik untuk kita menghargai kepakaran serta sumbangan bermakna komuniti geologi dalam memacu pembangunan negara. Anda merupakan nadi dalam menyediakan ilmu bagi memenuhi keperluan sumber bumi serta memelihara kualiti alam sekitar bagi membina benteng ketahanan negara dalam mendepani cabaran bencana alam.

5. Sesungguhnya profesion ahli geologi adalah antara tunjang utama kemajuan kita. Kepakaran anda sangat diperlukan dalam pelbagai sektor yang merangkumi industri perlombongan dan penerokaan tenaga sehinggalah kepada pembangunan infrastruktur yang mencabar seperti pembinaan terowong, lebuh raya, dan bangunan pencakar langit. Malah peranan anda amat kritikal dalam usaha kita memahami serta mengurangkan kesan bencana seperti tanah runtuh dan banjir demi keselamatan nyawa rakyat yang kita cintai.
6. Justeru sambutan ini merupakan platform terbaik untuk kita memupuk kesedaran masyarakat bahawa setiap inci pembangunan yang selamat dan mampan hari ini sebenarnya bermula dengan sentuhan ilmu geologi yang bertanggungjawab.

Hadirin sekalian,

### **MEMANFAATKAN TEKNOLOGI DAN INOVASI**

7. Seiring dengan kemajuan zaman, saya amat menggalakkan para ahli geologi untuk merangkul teknologi moden seperti robotik dan Kecerdasan Buatan (AI). Penggunaan teknologi ini bukan sekadar mengikut peredaran masa malah ia mampu mempercepatkan kajian dan meningkatkan ketepatan analisis kita terutamanya

apabila kita perlu bertindak pantas dalam situasi kecemasan atau bencana alam.

8. Kita juga melihat perkembangan positif dalam rangkaian nilai sektor mineral yang mana projek perintis seperti perlombongan REE secara 'in-situ leaching' di Perak telah membuktikan bahawa teknologi mesra alam mampu berjalan seiring dengan pemeliharaan biodiversiti. Kerjasama antara kepakaran tempatan dan asing ini merupakan langkah bijak dalam membawa masuk pelaburan serta pemindahan teknologi ke tanah air.

## **PERANAN AHLI GEOLOGI DALAM PEMBANGUNAN NEGARA**

9. Kini, peranan ahli geologi telah berkembang melampaui sempadan pemetaan tradisional. Anda terlibat secara aktif dalam pengurusan sumber air, pembangunan Geopark, penawaran karbon, sehinggalah kepada penilaian risiko infrastruktur strategik seperti empangan. Saya sangat berbangga dengan inovasi sistem GeoScan oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia yang membuktikan bahawa bidang geologi kita sudah bergerak seiring dengan Revolusi Industri 4.0.
10. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), NRES melalui agensi teknikal telah melaksanakan pemantauan ketidakstabilan cerun secara menyeluruh. Kajian ini telah siap di lapan lokaliti berisiko tinggi dan kini diperluaskan ke dua belas kawasan baharu. Selain itu, sebanyak 34 sistem amaran awal tanah runtuh telah berjaya dipasang di cerun kritikal sebagai langkah proaktif untuk melindungi nyawa rakyat. Inisiatif ini membuktikan komitmen kita

dalam membina daya tahan komuniti berasaskan data saintifik yang tepat.

11. Kejayaan pengiktirafan UNESCO Global Geopark bagi Lenggong dan usaha bagi Sarawak Delta juga adalah bukti komitmen kita dalam memelihara warisan alam sambil memacu ekonomi melalui geotourism. Lenggong Geopark mencatat lonjakan ekonomi yang luar biasa dengan peningkatan kehadiran pelancong sebanyak empat kali ganda dalam tempoh dua tahun. Pada 27 April yang lalu, pengiktirafan rasmi Lenggong sebagai UNESCO Global Geopark telah mengangkat Malaysia ke pentas dunia dalam pemeliharaan warisan geologi dan pembangunan ekonomi lestari.
12. Namun, dalam mengejar kemajuan, aspek perundangan dan etika jangan sesekali dilupakan. Akta Ahli Geologi 2008 wujud untuk melindungi kualiti kerja dan keselamatan awam. Menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memastikan khidmat geologi hanya diberikan oleh mereka yang bertauliah demi mengelakkan sebarang risiko kepada masyarakat.
13. Saya turut menghargai sumbangan ahli geologi dalam membangunkan sumber air bawah tanah. Terkini, hasil projek pemetaan di Kedah telah mengenal pasti 15 medan telaga dengan kapasiti simpanan yang sangat besar bagi manfaat rakyat. Dalam aspek sumber strategik, di bawah RMK-12, usaha pemetaan Rare Earth Elements (REE) oleh ahli geologi negara telah mengenal pasti anggaran 200,000 tan sumber bernilai melebihi RM10 bilion

dan ini meletakkan Malaysia di landasan kukuh dalam rantaian bekalan mineral global.

14. Industri geosains kini bukan sekadar bidang teknikal, malah telah berkembang sebagai sektor strategik yang menjana pekerjaan, inovasi, dan pelaburan demi kemakmuran Malaysia.

Hadirin yang dihormati,

### **ETIKA DAN PROFESIONALISME**

15. Dikesempatan ini juga, saya menyeru agar anda semua terus memelihara tingkah laku profesional yang berteraskan integriti serta tanggungjawab moral yang teguh. Sebagai ahli geologi, amanah yang digalas menuntut kecekapan dan dedikasi yang tinggi demi menjaga maruah profesion kita. Marilah kita terus memberikan komitmen yang terbaik dalam setiap tugas, bukan sahaja demi kemajuan negara, malah sebagai sumbangan ikhlas kita terhadap kelestarian alam sekitar yang kita kongsi bersama.
16. Saya mempunyai keyakinan penuh bahawa dengan kepakaran serta nilai profesionalisme yang ada pada komuniti geologi negara, bidang ini akan terus berkembang mekar dan memainkan peranan yang lebih besar dalam menyokong pembangunan mampan pada masa hadapan.

## **MENDEPANI CABARAN TENAGA GLOBAL DENGAN KEKUATAN DOMESTIK**

17. Melihat kepada situasi geopolitik dunia hari ini, kita menyedari adanya ketidakpastian bekalan tenaga yang berpunca daripada konflik di rantau Timur Tengah. Keadaan ini secara tidak langsung menyentuh kestabilan ekonomi kita melalui kenaikan kos bahan api global. Dalam fasa yang mencabar ini, sumbangan saudara dan saudari menjadi sangat bermakna dalam membantu negara meneroka sumber tenaga domestik serta alternatif yang lebih mampan.
18. Kepakaran ahli geologi dalam mengenal pasti sumber seperti mineral tenaga, geoterma, serta mineral kritikal untuk teknologi tenaga boleh baharu merupakan kunci utama bagi kita membina kemandirian tenaga yang lebih kukuh. Sehubungan itu, NRES sedang giat melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memperkukuh pembangunan sumber mineral strategik. Langkah proaktif ini diambil bagi memastikan negara mempunyai pelan sokongan yang teguh dalam menghadapi impak krisis bekalan global.
19. Selaras dengan hasrat YAB Perdana Menteri, kita memberikan tumpuan kepada aspek keselamatan rakyat melalui penubuhan Pusat Bencana Geologi Negara. Inisiatif ini merupakan satu pelan tindakan yang ikhlas demi memastikan setiap nyawa rakyat sentiasa dilindungi melalui pemantauan risiko yang lebih sistematik.

20. Sudah tiba masanya bidang geosains diberikan pengiktirafan sewajarnya sebagai antara nadi utama kemajuan negara. NRES sangat komited untuk meletakkan penyelidikan geosains di barisan hadapan.
21. Menjelang tahun 2027, kita bakal menyaksikan pengukuhan landskap perundangan melalui pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) Survei Geologi dan Geosains di Parlimen, yang kemudiannya akan disusuli dengan penghasilan Dasar Geosains Negara. Langkah ini merupakan satu anjakan besar yang akan membawa impak positif buat masa depan negara.
22. Matlamat NRES adalah untuk memastikan Malaysia terus memacu pembangunan yang seimbang, berdaya tahan terhadap bencana, serta selamat untuk didiami oleh generasi akan datang.
23. Saya amat menghargai sokongan berterusan daripada komuniti geologi melalui usaha penerokaan, penyelidikan, serta nasihat teknikal yang diberikan kepada kerajaan. Kerjasama erat yang terjalin ini sangat kritikal bagi memastikan keselamatan sumber tenaga negara sentiasa terjamin demi kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia.

Hadirin yang dihormati sekalian,

## **PENUTUP DAN PERASMIAN**

24. Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah berusaha menjayakan penganjuran Sambutan Hari Ahli Geologi Peringkat Kebangsaan

Tahun 2026 pada kali ini. Sesungguhnya, komitmen dan dedikasi yang ditunjukkan oleh komuniti geologi dalam menyumbang kepada pembangunan negara, pengurusan sumber asli serta pemeliharaan alam sekitar amatlah dihargai.

25. Saya berharap sambutan seperti ini akan terus menjadi platform penting untuk memperkukuh jaringan kerjasama, berkongsi ilmu dan pengalaman serta meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan bidang geologi dalam kehidupan seharian dan pembangunan negara.

26. Dengan kepakaran, komitmen serta semangat profesionalisme yang dimiliki oleh setiap ahli geologi, saya yakin komuniti ini akan terus memainkan peranan yang signifikan dalam memastikan pembangunan negara dilaksanakan secara mampan, selamat dan berdaya tahan demi kesejahteraan generasi masa kini dan masa hadapan.

27. Akhir kata, saya ingin menyeru semua pihak termasuk agensi kerajaan, pemain industri dan komuniti penyelidik untuk terus berganding bahu dalam memajukan industri berasaskan sumber geologi secara bertanggungjawab dan berlandaskan prinsip kelestarian. Adalah penting untuk kita menyeimbangkan antara keperluan pembangunan ekonomi dan pemeliharaan alam sekitar demi kesejahteraan generasi akan datang.

**Dengan ini, saya dengan penuh sukacita merasmikan Sambutan Hari Ahli Geologi Peringkat Kebangsaan Tahun 2026.**

Sekian dan terima kasih.